

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1994/95

Oktober/November 1994

HIA 101 Pengantar Islam

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan. DUA [2] soalan daripada setiap Bahagian A dan B.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama

BAHAGIAN A - Jawab DUA [2] soalan

1. Jawab soalan-soalan berikut:
 - [a] Beri pengertian agama menurut al-Qur'an.
 - [b] Adakah 'adat dan budaya yang ada dalam sesebuah masyarakat dikira sebahagian dari agama Islam? Bincangkan.
2. Sebutkan pemahaman anda berhubung dengan tujuan Islam berdasar kepada surah al-Anbiya : 107 dan pengertianNya menurut bahasa dan istilah.
3. Ungkapan-ungkapan berikut ada kaitan dengan hakikat Islam yang sebenar. Pilih dua ungkapan sahaja dan bincangkan.
 - [a] Islam agama sebenar di sisi Allah.
 - [b] Islam agama syumul dan kekal.
 - [c] Islam menjamin kesejahteraan sejajar.

BAHAGIAN B - Jawab DUA [2] soalan

4. Jawab soalan-soalan berikut:
- [a] Apakah yang dimaksudkan dengan ilmu 'Aqidah?
 - [b] Beri hujah-hujah penting bagi menunjukkan bahawa Islam memberi penekanan tentang 'aqidah dan syari'ah.
 - [c] Apakah hubungan antara Islam, iman dan kufur?
5. Jawab soalan-soalan berikut:
- [a] Sebutkan pembahagian Syari'at Islam dan jelaskan tiap-tiap satu dengan ringkas menurut kefahaman anda.
 - [b] Nyatakan pengertian hukum menurut syari'at Islam kemudian nyatakan pula pembahagian serta pecahannya.
6. Beri pandangan ulama tentang tabi'at manusia kemudian nyatakan perbezaan di antara hak dan kewajipan dan akhir sekali anda diminta menerangkan maksud perkara-perkara di bawah menurut pandangan Islam:
- [a] hak hidup (haqqu al-hayah).
 - [b] hak kebebasan (haqqu al-hurriyyah).
 - [c] hak memiliki (haqqu al-milk)

-ooo000ooo-